



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**MITRA.100-9/1/1 (19)**

**KENYATAAN MEDIA**  
**PEMAKLUMAN PENYALURAN FASA PERTAMA BAGI PROGRAM BANTUAN**  
**AWAL KEMASUKAN IPT (IPT 4.0 MITRA) TAHUN 2024**

**PUTRAJAYA, 15 DISEMBER 2024** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM25 juta kepada 12,400 pelajar India B40 di bawah Program Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA (IPT 4.0 MITRA) Tahun 2024.

Sehingga kini, MITRA telah menerima sebanyak 12,626 permohonan daripada pelajar india seluruh negara dan fasa saringan sedang dilaksanakan. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat seramai 1,088 pelajar layak menerima bantuan IPT 4.0 MITRA dalam fasa pertama seperti yang dipaparkan dalam laman web MITRA:

<https://mitra.gov.my/index.php/bm/sistem-permohonan-geran-kewangan-mitra/senarai-peserta-bantuan-ipt-2024-fasa-1>

Penerima bantuan fasa pertama akan menerima RM2,000 dan RM3,000 (pelajar OKU) secara *one-off* yang akan disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula pada minggu ini.

Untuk makluman, adalah menjadi tanggungjawab pihak MITRA untuk memastikan bantuan kewangan ini disalurkan kepada penerima manfaat yang benar-benar layak. Oleh itu, semasa saringan dilaksanakan, didapati kebanyakan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pelajar adalah tidak lengkap, kurang sahih dan menimbulkan keraguan.

Justeru itu, pihak MITRA sedang membuat proses semak silang data dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) berkaitan dan mendapatkan pengesahan status B40. Di antara isu yang menyebabkan kelewatan dalam memproses permohonan adalah pelajar tidak mengemukakan nombor akaun Bank Simpanan Nasional (BSN), tiada bukti dokumen Sumbangan Tunai Rahmah (STR)/eKasih/Mysalam, tidak menyertakan penyata gaji ibubapa yang disahkan dan tiada surat pengesahan dari IPT.

Dengan mengambilkira kekangan dan kesulitan tersebut, dimaklumkan bahawa proses penyaluran bantuan kewangan kepada pelajar IPT Tahun 2024 akan dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan Disember 2024 sehingga selesai. Selanjutnya, pemakluman senarai pelajar yang layak bagi fasa berikutnya akan dimaklumkan secara berperingkat melalui laman media sosial MITRA.

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan permohonan Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA (IPT 4.0 MITRA) Tahun 2024 boleh menghubungi MITRA di talian 03-8886 6192 / 6082 bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada [thevamalar@mitra.gov.my](mailto:thevamalar@mitra.gov.my) / [ktk\\_prishanthini@mitra.gov.my](mailto:ktk_prishanthini@mitra.gov.my).

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
15 DISEMBER 2024**